

RUU Perubahan Iklim dibawa ke Parlimen awal tahun depan

Oleh [Ahmad Suhael Adnan](#) - September 5, 2022 @ 12:53pm
ahmad.suhael@bh.com.my



Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man selepas Majlis Simposium Perubahan IKLIM 2022 di Bangunan Parlimen hari ini. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Perubahan Iklim yang sedang digubal bagi mengurangkan impak banjir besar, dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat awal tahun depan.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata ketika ini pihaknya sedang memuktamadkan RUU itu termasuk membuat semakan akta sedia ada dan membuat penambahbaikan dalam RUU berkenaan.

"Kita jangka akan memuktamadkan (penggubalan RUU Perubahan Iklim) hujung tahun ini dan Insya-Allah awal tahun depan kita akan cuba secepat mungkin untuk masukkan ke Parlimen.

"Kita sudah buat semakan pada akta sebelum ini dan ada penambahbaikan yang perlu kita buat," katanya pada sidang media Simposium Perubahan Iklim 2022 di Parlimen, hari ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, Tuan Ibrahim memaklumkan RUU Perubahan Iklim itu lanjutan daripada pembangunan kerangka undang-undang perubahan iklim tahun lalu.

Katanya, objektif RUU itu untuk mengukuhkan institusi, menyelaras tindakan, memantau perkembangan dan memperkemas pelaporan data secara sistematik.

Sementara itu, Tuan Ibrahim berkata, RUU itu juga turut membabitkan penambahan tenaga manusia untuk Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang kini sedang dalam proses pengesahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Kita perlukan satu jawatankuasa pada peringkat kementerian, kerana perubahan iklim ini isu serius dan impaknya secara langsung serta amat ketara.

"Yang kita risau juga ialah impak kepada bekalan makanan negara. Apabila berlaku kemarau baru-baru ini, bekalan air kita merosot dan beberapa kawasan pertanian kita terganggu," katanya yang berharap kelulusan akta itu disegerakan.